

KPM selesaikan isu beg sekolah berat

Kemudahan lokar disediakan di sekolah rendah dua sesi

sinag khalian - 7/3/2022 Cms/3)

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Kementerian Pendidikan (KPM) akan menyediakan kemudahan lokar di sekolah-sekolah rendah secara berfasa bermula tahun ini sebagai penyelesaian jangka panjang berkaitan isu beg berat yang kritikal dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Menteri Kanan Pendidikan, Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata, penyediaan kemudahan itu membabitkan sekolah rendah yang beroperasi secara dua sesi.

Menurutnya, fasa satu akan melibatkan penyediaan lokar untuk murid Tahap Satu iaitu Tahun Satu, Tahun Dua dan Tahun Tiga melibatkan 10,662 kelas dengan murid berjumlah 323,186 orang.

"Jumlah anggaran peruntukan tahun 2022 untuk fasa satu adalah sebanyak RM37.3 juta. Bagi fasa dua pula, penyediaan lokar akan diperluaskan kepada murid Tahap Dua, iaitu Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam

di sekolah rendah yang beroperasi secara dua sesi. Pelaksanaan dijangka pada tahun 2023.

"Bagi sekolah satu sesi pula, murid akan menyimpan buku di dalam laci meja di bilik darjah masing-masing," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.


Pendekatan yang pertama kali diperkenalkan oleh KPM itu merupakan salah satu daripada tujuh langkah penyelesaian yang holistik ditetapkan KPM bagi menangani isu beg berat pelajar secara tuntas.

Selain penyediaan lokar, KPM turut menetapkan pelaksanaan penyusunan semula jadual waktu iaitu dengan menghadkan jadual waktu yang mengandungi tiga hingga empat mata pelajaran sehari.

Katanya, dalam konteks ini pihak sekolah perlu mengambil kira prlaksanaannya dengan mengambil kira pemberatan subjek, ketersediaan guru dan juga sesi persekolahan.

"Di samping itu, sekolah akan diberi kelonggaran untuk menyediakan jadual waktu mengikut kitaran minggu sebagaimana yang sedang dilaksanakan oleh sebilangan sekolah bawah KPM," katanya.

Selain itu, setiap murid juga tidak dibenarkan membawa melebihi dua buku latihan bagi setiap mata pelajar-



MOHD RADZI

an pada satu-satu masa dan setiap buku latihan tidak melebihi 80 muka surat.

Katanya, murid juga hanya dibenarkan untuk menggunakan buku aktiviti yang disediakan oleh KPM manakala buku kerja hanya boleh digunakan sebagai bahan rujukan atau bahan ulang kaji di luar waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP).

"Ketetapan kelima adalah pernebitan baharu buku teks dalam format digital secara berterusan. Sehingga kini, sebanyak 692 judul buku teks digital telah dimuat naik dalam pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA). Murid yang mempunyai peranti boleh mengakses buku teks digital melalui pelantar DELIMA.

"Seterusnya, guru digalakkan menggunakan pendekatan PdP berpusatkan murid iaitu pembelajaran bertema, modular, pembelajaran berasaskan projek, simulasi amali atau pembelajaran terbeza," katanya.

KPM juga akan bekerjasama dengan dengan pihak Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) bagi aspek penyelarasan uniform agar murid diberi kelonggaran untuk memakai uniform sekolah semasa sesi persekolahan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

